Latihan Kata Adjektif

Pilih kata adjektif yang sesuai untuk melengkapkan ayat-ayat di bawah.

rapat	mewah	bulat	tinggi	pahit
bujur	hitam	dekat	laju	curam
hangit	panjang	kencang	ramah	baharu

1. Budak perempuan itu sedang memerhati bola tenis yang berbentuk _____.
2. Walaupun ubat itu _____, Laila terpaksa menghabiskannya.
3. Azura dan Yuhana berkawan _____ sejak kecil lagi.
4. Bilik hotel yang mereka tempah itu sungguh _____.
5. Rasmi ialah murid yang paling _____ di dalam kelasnya.
6. Rumah Amin terletak _____ dengan sekolahnya.
7. Saleha mengambil sebiji pinggan berbentuk _____untuk menghidangkan buah anggur itu.
8. Encik Wong menuruni lurah yang _____ itu dengan berhati-hati.
9. Datuk Hashim membeli kereta Toyota Vellfire berwarna _____ pada bulan lepas.
10. Kereta yang cantik itu memecut dengan _____ apabila dikejar oleh kereta peronda polis.
11. Aidah menggunakan tali yang _____ untuk mengikat buku-buku itu.
12. Sikap Raihan yang _____ itu membuatkan dia mempunyai ramai kawan.
13. Juliana bergegas ke dapur apabila terhidu bau nasi yang _____.
14. Salina _____ sahaja tiba di rumah apabila telefon itu berdering.
15. Mereka berhenti bermain apabila angin bertiup dengan _____.

LIVEWORKSHEETS